

05 MAR 1998

Mahathir-Myanmar

LAWATAN MAHATHIR KE YANGON PERKUKUH LAGI PERPADUAN ASEAN

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi dua hari ke Myanmar mulai Isnin ini sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mempertingkatkan hubungan dua hala dengan negara-negara jiran dan membantu perkukuhkan lagi perpaduan Asean.

Beliau akan mengadakan rundingan dengan Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC) Myanmar Jen Than Shwe sejurus selepas ketibaannya di Yangon pada petang hari itu.

Dr Mahathir juga akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali antara kedua-dua negara.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, Perdana Menteri dijangka bertukar-tukar pendapat dengan Jen Than Shwe mengenai masalah kewangan dan ekonomi yang melanda rantau ini.

Mereka juga akan meninjau bidang-bidang kerjasama baru bagi meningkatkan hubungan dua hala.

Menurut program lawatan, Dr Mahathir akan menanam sebatang pokok di Taman Rakyat sebagai memperingati lawatannya.

Pada pagi hari berikutnya, Dr Mahathir akan melawat pelabuhan Thilawa yang baru, terletak kira-kira 18 km dari Yangon, diikuti jamuan tengah hari yang akan dihadiri ahli-ahli perniagaan Malaysia dan Myanmar.

Dr Mahathir akan berlepas pulang pada petangnya.

Menurut pegawai-pegawai Wisma Putra, lawatan Dr Mahathir ke Yangon penting bagi Malaysia daripada segi kelancaran hubungan dua hala dan dalam Asean.

Inilah lawatan pertama Dr Mahathir ke Myanmar sejak ia diterima sebagai anggota Asean pada Mesyuarat Peringkat Menteri Asean ke-30 di Kuala Lumpur pada Julai tahun lepas walaupun Barat membantahnya.

Dr Mahathir merupakan pemimpin yang memperjuangkan dasar "memakmurkan jiran," dan dalam hal Myanmar, beliau percaya cara terbaik untuk saling berhubung dengan negara yang sekian lama memencilkan dirinya itu ialah melalui "hubungan membina," bukannya melalui pendekatan secara tegas seperti yang dikehendaki kuasa Barat.

Dalam temuramah dengan Bernama sempena ulang tahun ke-30 Asean tahun lepas, Dr Mahathir mempertahankan dasar hubungan membina itu dengan mengatakan bahawa ia telah mendatangkan hasil yang besar kerana Myanmar kini telah berubah dengan banyaknya dan bersedia menjadi anggota sebuah komuniti, berbanding keadaannya yang memencilkan diri sebelum ini.

Perdagangan Malaysia dengan Myanmar berjumlah RM1.1 bilion tahun lepas. Malaysia mengeksport barangan bernilai RM974.6 juta manakala eksport Myanmar berjumlah RM140.3 juta.

Malaysia menjual minyak sawit, petroleum mentah dan barangan petroleum ke Myanmar manakala sebahagian besar importnya dari negara itu ialah hasil keluaran pertanian.

Pelaburan Malaysia di negara itu juga agak besar dengan jumlah 16 projek yang sedang berjalan.

Myanmar, dengan keluasan 671,000 km persegi, merupakan negara terbesar di tanah besar Asia Tenggara daripada segi saiznya. Ia mempunyai kira-kira 47 juta penduduk terdiri daripada suku-kaum Burma sebanyak 65 peratus, Shan 10 peratus, Karen 7 peratus dan bakinya kaum minoriti lain.

Sebanyak 87 peratus penduduk Myanmar beragama Buddha, 5 peratus Kristian dan 4 peratus Islam.

Dengan pendapatan per kapita AS\$700, Myanmar dianggap oleh
agensi-agensi Bangsa-bangsa Bersatu sebagai antara negara paling miskin di
dunia. Terdapat kira-kira 9,035 pekerja Myanmar yang berdaftar di Malaysia.

-- BERNAMA

SJ NMO